

sekata

1. Kesilapan Umum Dalam Pengejaan
– Haji Muhammad Ariff Ahmad
2. Kesalahan-kesalahan Penggunaan
Dalam Bahasa Melayu Hari Ini
– Haji Suratman Markasan.
3. Tatabahasa Melayu Hari Ini
– Dr Liaw Yock Fang

SIDANG PENGARANG

1. Haji Suratman Markasan (Ketua)
2. Haji Muhammad Ariff Ahmad
3. Mohammad Gani Ahmad

PARA ANGGOTA JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA

1. Haji Wan Hussin Zoonhri (Pengerusi)
2. Almuddin Hashim (Setiausaha Kht.)
3. Haji Sidek Saniff
4. Haji Muhammad Ariff Ahmad
5. Haji Zainul Abidin Rasheed
6. Haji Suratman Markasan
7. Haji Abdul Rahman Tahir
8. Dr. Liaw Yock Fang
9. Drs. Masran Sabran
10. Kasmadi Haji Nasir
11. Sardi Shariff
12. Norulashikin Jamain
13. Yatiman Yusoff
14. Ahmad Thani Ahmad
15. Harun A. Ghani

KANDUNGAN

	Muka surat
1. Amanat dari En. S. Dhanabalan, Menteri bagi Halehwal Luar dan Kebudayaan, Singapura.	3
2. Kata Sambutan dari Tuan Haji Wan Hussin Zoonhri, Setiausaha Parlimen (Kesihatan dan Kebudayaan) dan Pengerusi Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura.	4
3. Prakata dari Tuan Haji Sidek Saniff, Setiausaha Parlimen (Perdagangan & Perusahaan dan Halehwal Masyarakat) dan Bekas Pengerusi Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura.	5
4. Sudut Pengarang — Suratman Markasan	7
5. Kesilapan Umum Dalam Pengejaan — Haji Muhammad Ariff Ahmad	8
6. Yang Mana Satu — Mohammad Gani Ahmad	13
7. Kesalahan-kesalahan Penggunaan Dalam Bahasa Melayu Hari ini — Suratman Markasan	19
8. Tatabahasa Melayu Hari Ini — Dr. Liaw Yock Fang	28
9. Ejaan Nama-nama Melayu/Islam Yang Betul Mengikut Sistem Ejaan Baru	39
10. Daftar Istilah Baru	43
11. Senarai Kata Umum Yang Sering Dieja Salah.	45



MESSAGE

It is heartening to note that the Malay-speaking public accepts changes in the language without much difficulty and in the same spirit as it does in other areas of development in the Republic.

New terms add to the enrichment of the vocabulary. It is not surprising that terms from Arabic, Sanskrit, Chinese and English, among others, have found their way into the Malay vocabulary making for a more dynamic language. The evolution of the Malay language over the centuries speaks well of the adaptability of the language to changes in the social environment.

Indiscriminate borrowing may, however, instead of adding colour to it, "pollute" it. It is necessary therefore for the Malay Language Committee to guide in the development of the Malay language and its usage in the schools, in the mass media and by the public.

I hope that the Committee's bulletin, SEKATA, will help the Malay-speaking public in keeping abreast with development in the language. I wish it success.

S. DHANABALAN
MINISTER FOR FOREIGN AFFAIRS
AND CULTURE

AMANAT

Adalah menggembirakan untuk mengetahui bahawa para pengguna Bahasa Melayu menerima perubahan-perubahan dalam bahasa tanpa sebarang kesukaran dan dalam semangat yang sama sebagaimana yang dilakukannya dalam bidang-bidang pembangunan yang lain dalam Republik ini.

Istilah-istilah baru menolong memperkayakan perbendaharaan kata. Adalah tidak menghairankan bahawa istilah-istilah dari bahasa Arab, Sanskrit, Cina dan Inggeris, antara lain, telah dapat masuk ke dalam perbendaharaan kata Melayu dan menjadikannya sebagai satu bahasa yang lebih dinamik. Perkembangan Bahasa Melayu dalam beberapa abad yang lalu menunjukkan dengan jelas betapa ia mampu disesuaikan dengan perubahan-perubahan dalam sekitaran sosial.

Meminjam bahasa asing secara tidak memilih sebaliknya bukan menolong menambahkan keindahan kepada bahasa itu tetapi mencemarinya. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi Jawatankuasa Bahasa Melayu ini memberi panduan dalam perkembangan Bahasa Melayu dan penggunaannya di sekolah-sekolah, dalam sebaran am dan oleh masyarakat umum.

Saya harap majalah SEKATA, terbitan Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura, akan dapat menolong para pengguna Bahasa Melayu mengikuti perkembangan bahasa ini. Saya ucapkan selamat maju jaya.

S. DHANABALAN
MENTERI BAGI HALEHWAL LUAR DAN KEBUDAYAAN



KATA SAMBUTAN


Sifat sesuatu bahasa yang hidup dan dinamis pasti mengalami perubahan akibat perubahan sosial masyarakat itu sendiri. Begitulah keadaannya masyarakat dan Bahasa Melayu di Singapura. Di dalam setiap perubahan pula pasti ada segi-segi yang masih belum dapat disempurnakan.

Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura sedar tentang adanya sedikit kelainan atau perbezaan penggunaan Bahasa Melayu oleh setengah pihak, mahu pun individu atau perbadanan. Justru kerana itulah terbitan majalah SEKATA ini diharapkan dapat berfungsi selaku pengimbang atau moderator ke arah mencapai kesempurnaan di dalam penggunaan Bahasa Melayu.

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada setiap anggota Jawatankuasa dan para penulis di atas usaha gigihnya menjayakan penerbitan ini. Adalah menjadi harapan saya semoga majalah SEKATA ini mendapat sambutan yang positif dari masyarakat kita.

Sekian, terima kasih.

WAN HUSSIN ZOOHRI
SETIAUSAHA PARLIMEN (KESIHATAN & KEBUDAYAAN)
PENGERUSI
JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA



PRAKATA

Betapa Rasa Bahasa bertindak selaku daya pemutus penggunaan sesuatu perkataan memang tidak dapat disangkal. Mungkin pada mulanya atau waktu kajian ilmiah dilakukan terasa semacam kejanggalan, tapi ternyata arus zaman dan kehendak praktikal telah menjadi daya penentu. Lalu terbujur 'iktisad' dilanda 'ekonomi'; terkujur 'rumah pangsa' di tengah-tengah 'flet' yang tersergam gagah; tercegat Tuah dan Jebat apabila 'khalwat' nya kini meremang roma mengerut wajah dari desiran darah yang ingin menembus rongga yang hanya berdaya mewujud rasa meluat di muka.

Pun perlu diketahui, bahawa perubahan-perubahan eka perkataan itu terbawa bersamanya perubahan-perubahan yang amat penting pula: perubahan alam fikiran atau revolusi fikiran yang amat ketara sekali — satu perubahan yang mencakup tamaddun dan kebudayaan sesuatu bangsa. Lalu kita terhutang budi kepada Tun Seri Lanang, Abdullah Munsyi, Raja Ali Haji, Sumpah Pemuda, Za'aba, Kajai dan mereka yang telah menyebabkan tidak kurang dari 10,000 manuskrip Melayu bertebaran di seluruh dunia. Ada yang disimpan rapi di institusi-institusi termasuk institusi pondok, awam dan istana tanpa meninggalkan di tangan orang-orang perseorangan sebagai minat peribadi. Dalam hal ini Raffles, Farquhar, Maxwell, Roorda van Eysingha dan mereka yang sezaman dengannya memiliki tidak kurang daripada, 2,000 naskhah.


Satu hakikat penting dewasa ini adalah bahawa perubahan-perubahan Bahasa Melayu dirantau ini sama ada di Singapura, Malaysia, Indonesia ataupun Negara Brunei Darussalam akan banyak dipengaruhi oleh Bahasa Antarabangsa — Bahasa Inggeris. Cuma kita mengharapkan agar perubahan-

perubahan itu berlaku sebaik dapat. Tidak sewenang-wenangnya. Tidak pula menghambat kemajuan dan perkembangan Bahasa Melayu. Dalam hal ini kita perlu menentukan agar kita tidak terjebak ke lembah rasa-rasaan, cuba-cubaan yang biasanya bersebab dari ketidak waspadaan perseorangan yang cuba mencanai cap mohor sendirinya sahaja.

Sementara itu, pernyataan Bahasa dan perubahannya melalui keseragaman atau kesekataan ejaannya adalah langkah yang mencerminkan kedewasaan dan kematangan Bangsa itu.

Langkah untuk mewujudkan sebuah badan atau Jawatankuasa Bahasa Melayu di Singapura ini pada awal tahun 1981 dan kini disusuli dengan kelahiran SEKATA adalah salah satu bukti penghayatan dan kegigihan kita selaku pengamanah warisan suci ini. Nenek moyang kita telah pun menempuh dan menempah sejarahnya. Kini adalah giliran kita pula.

Salam dan hormat
dari saya



SIDEK BIN SANIFF
SETIAUSAHA PARLIMEN (PERDAGANGAN &
PERUSAHAAN DAN HALEHWAL MASYARAKAT)
BEKAS PENERUSI
JAWATANKUASA BAHASA MELAYU
SINGAPURA

SEKATA UNTUK BERKOMUNIKASI

Manusia sudah berkomunikasi sejak Adam dan Hawa. Dan terus manusia berkomunikasi hingga hari ini. Akan tetapi yang penting diketahui, bahawa sesuatu komunikasi tidak akan berlangsung jika syara-syarat berkomunikasi tidak wujud. Syarat pertama, bahawa kedua pihak yang ingin berkomunikasi pastilah menggunakan lambang atau bahasa yang sama. Kedua, bahawa komunikasi tidak akan dapat berjalan dengan lancar, jika penerima mempunyai tafsiran lain daripada apa yang dimaksudkan oleh pemberi atau penyampai. Hal ini boleh berlaku kemungkinan penyampai menggunakan lambang yang boleh diertikan lebih daripada satu atau keupayaan pihak penerima tidak setaraf dengan pihak penyampai. Ketiga, pihak penerima sudah siang-siang mempunyai tanggapan atau sikap terhadap penyampai atau bahan yang ingin disampaikan. Dengan demikian, walaupun syarat pertama dan kedua sudah terpenuhi namun akan terjadi juga komunikasi yang kurang lancar.

Setelah mengetahui akan syarat berkomunikasi demikian rupa, SEKATA yang dikemukakan kepada guru-guru bahasa, pencinta bahasa dan masyarakat umum adalah bertujuan untuk berkomunikasi dengan memenuhi tiga syarat tadi mengenai bahasa Melayu.

Kami percaya banyak hal mengenai bahasa Melayu di Singapura khususnya mengenai penggunaan sistem ejaan bahasa Melayu yang di sempurnakan, penggunaan istilah dan mengenai perkembangan bahasa Melayu, perlu ada satu badan yang meneliti dan tempat merujuk bagi pengguna-penggunanya. Jika tidak ada, kesalahan-kesalahan penggunaan tersebut akan terus berlaku dan mungkin akan bertambah banyak ejaan sesuatu perkataan itu dieja dengan berbagai cara, misalnya mengenai ejaan 'telefon' dieja talipon, talifon, atau telepon. Demikian pula mengenai istilah 'apartmen' mungkin ada yang menggunakan pangsa, pangsa puri atau lain lagi.

Demikian pula kesalahan-kesalahan penggunaan setengah-setengah perkataan yang sudah bermaksud majmuk seperti 'mereka' digandakan menjadi 'mereka-mereka', demikian pula kata 'para' menjadi 'para-para'. Dan banyak hal-hal lain yang boleh kami gunakan SEKATA menjadi wadah untuk kita pengguna bahasa Melayu menyampaikan maklumat penting yang baik untuk kepentingan bersama. Selain daripada itu, tentu sekali SEKATA ingin pula menerima pandangan membina dari anda-sekalian.

SEKATA akan menemui anda sekalian setahun dua kali; sekali pada bulan April dan sekali lagi pada bulan September. Mudah-mudahan jika mendapat sambutan dan banyak hal yang ingin kami sampaikan, dari dua tahun sekali akan menjadi lebih kerap lagi. Insya-Allah.

Suratman Markasan

KESILAPAN UMUM DALAM PENGEJAAN

oleh

Haji Muhammad Ariff Ahmad

KPBMM3 (Kongres Persuratan & Bahasa Melayu Malaya ke-3) yang dilangsungkan di Singapura dan di Johor Bahru pada 16 – 21 September 1956 telah memutuskan bahawa sudah sampai masanya Ejaan Rumi Melayu diperbaiki dan disekatakan dengan Ejaan Bahasa Indonesia untuk kegunaan seluruh nusantara. Ahli-ahli bahasa Indonesia menyambut baik keputusan KPBMM3 itu, lalu mulai dari tahun 1957 hingga 1963 dan mulai dari tahun 1967 hingga kini telah terjalin kerjasama yang erat antara Persekutuan Tanah Melayu (dalam babak kedua: Malaysia) dengan Indonesia dalam usaha memperbaiki dan menyekatakan Ejaan Melayu/Indonesia itu.

Melalui kerjasama-kerjasama itu terbentuklah jawatankuasa-jawatankuasa bersama yang telah menghasilkan sistem Ejaan Melindo, Ejaan Malaysia-KOTI dan yang terakhir "Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia" bagi Malaysia, dan "Ejaan Bahasa Indonesia Yang Disempurnakan" bagi Indonesia. Dengan panduan sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia itulah "Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (1981)" disusun.

Untuk membentuk "Ejaan Baru" (yang sekarang sedang digunakan), KPBMM3 telah menggariskan bahawa Ejaan Rumi yang akan menggantikan Ejaan kaedah Za'aba itu hendaklah:

- (a) mudah — memakai sistem yang tetap (telah disetujui bahawa sistem fonemik adalah yang tersesuai untuk pengejaan Melayu),
- (b) sekata — jangan ada ejaan yang berbagai-bagai bagi satu sebutan, dan
- (c) praktikal — sistem pengejaan hendaklah sesuai lagi munasabah untuk mengeja segala kata-kata yang terpakai dalam bahasa Melayu.

Apabila Ejaan Rumi (Baru) itu dirasmikan penggunaannya (tahun 1972 di Malaysia/Indonesia; 1977 di Singapura) beberapa kesilapan yang menonjol, yang terdapat dalam tulisan-tulisan kita sama ada yang di suratkhabar atau yang di kaca televisyen ialah seperti:

olih untuk ejaan: **oleh**
bolih untuk ejaan: **boleh**
merika untuk ejaan: **mereka**
hurmat untuk ejaan: **hormat**

Kekecohan berlaku juga dalam pengejaan "di"/"ke" yang ditulis serangkai dengan kata dasarnya, dan "di"/"ke" yang ditulis terpisah dari kata dasarnya, misalnya:

diekur sepatutnya ditulis: **di ekor**
di ambil sepatutnya ditulis: **diambil**
kemana sepatutnya ditulis: **ke mana**

Semenjak Jawatankuasa Bahasa Melayu (Kementerian Kebudayaan Singapura) menasihatkan pengguna-pengguna bahasa Melayu di sini supaya menggunakan "Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (1981)" sebagai pedoman mengeja, Alhamdulillah, kesilapan-kesilapan yang menonjol seperti yang dinyatakan di atas tadi tidaklah wujud lagi, walaupun masih terdapat juga kesilapan-kesilapan yang tersembunyi, umpamanya:

- (a) tentang penggunaan "tanda sempang" sebagai perangkai kata gabungan; dari satu berita ringkas mengenai 'Bakal pengantin terbunuh dalam nahas jalan raya' di Berita Harian (mengandungi 237 perkataan) terdapat tiga kesilapan penggunaan tanda sempang dan satu kesilapan pengejaan serangkai, iaitu:

- diijab-kabulkan sepatutnya ditulis: **diijabkabulkan**
- hancur-lebur sepatutnya ditulis: **hancur lebur**
- insyaAllah sepatutnya ditulis: **insya-Allah**
- bolasepak sepatutnya ditulis: **bola sepak**

*Peringatan :

- (1) Tanda sempang digunakan sebagai perangkai kata gabungan jenis kata ganda, misalnya:
 - kata ganda semu : anai-anai labah-labah
labi-labi koleh-koleh
 - kata ganda sempurna : anak-anak suratkhabar-suratkhabar
hati-hati jawatankuasa-jawatankuasa
 - kata ganda tingkah : huru-hara gunung-ganang
lauk-pauk ramah-tamah
 - kata ganda berimbuhan : berjalan-jalan
karang-mengarang
kenang-kenangan
dibesar-besarkan
- (2) Tanda sempang tidak digunakan pada lain-lain kata gabungan, misalnya:
 - rangkai kata umum : air hujan luar biasa
balai rakyat nuzul Quran
 - rangkai kata parataksis : hidup mati adik kakak
hancur lebur tunjuk ajar

- rangkai kata simpulan bahasa: buah hati bulan madu
makan angin pilih kasih
- (b) tentang ejaan khas yang ditetapkan oleh jawatankuasa:
- agama bukan: igama; ugama
 - manfaat bukan: mamafaat; munafaat
 - munasabah bukan: manasabah
 - pusaka bukan: pesaka
 - neraka bukan: nuraka
 - teladan bukan: tauladan
 - depan bukan: hadapan
 - bawahir bukan: buahir
 - jambatan bukan: jembatan
 - kelangkang bukan: kelengkang
- (c) tentang ketetapan ejaan yang tidak tetap, misalnya:
- terima kaseh — terimakasih = terima kasih
 - kerana — karena = kerana
 - Jawapan — jawaban = jawapan
- (d) tentang "b" yang kekal dan "b" yang diubah menjadi "p" apabila bertemu dengan akhiran "an", misalnya:
- adab jadi: peradaban
 - tertib jadi: ketertiban
 - ajaib jadi: keajaiban, tetapi
 - jawab jadi: jawapan
- (e) tentang perubahan morfem awal yang tidak jelas sebabnya, misalnya:
- ringan jadi: ringan
 - sehat jadi: sihat
 - pehak jadi: pihak
 - fatehah jadi: fatihah
 - terisak-isak jadi: teresak-esak
- (f) tentang membezakan ejaan istilah umum dan istilah khusus, misalnya:
- analisa (umum) analisis (khusus)
 - ejen (umum) agen (khusus)
- (g) tentang perkataan yang dieja dua macam, misalnya:
- afal boleh juga dieja: hafaz (bukan hafal)
 - dengu boleh juga dieja: dungu
 - baru boleh juga dieja: baharu
 - dirus boleh juga dieja: jirus
 - gelatik boleh juga dieja: jelatik
 - bagi boleh juga dieja: bahagi
 - telaah boleh juga dieja: mutalaah

- rampok boleh juga dieja: rompak
 - bazir boleh juga dieja: mubazir
 - membazir boleh juga dieja: memubazirkan
- (h) tentang ejaan yang sama dan yang tak sama bagi perkataan yang bunyinya sama tetapi maknanya tak sama, misalnya:
- (1) Yang ejaannya sama:
- anggur (buah; tak ada kerja)
 - arak (minuman; jalan ramai-ramai)
 - baut (tukang pukul; besi penyambung kayu)
 - bela (pelihara; menuntut balas)
 - sepak (dengan tangan; dengan kaki)
 - bentan (berbalik sakit; sejenis tumbuhan)
 - indah (cantik; acuh)
 - gelang (lingkaran; sejenis tumbuhan)
 - gelebar (bercerai-cerai; berkibar-kibar)
 - rendang (goreng; rimbun)
- (2) Yang ejaannya tak sama:
- bahu (anggota) bau (hidu)
 - barong (hantu-hantuan) barung (sejenis tumbuhan)
 - cocok (sesuai) cucuk (tusuk)
 - colek (cuit) culik (curi bawa lari)
 - kelangkang (celah paha) kelengkang (gelang anak kunci)
 - kisah (cerita) kesah (keluh)
 - baru (lawan lama) baharu (lawan buruk)
 - lancong (bersiar-siar) lancung (palsu; tidak asli)
 - pesara (pasar) pusara (kubur)
 - tahu (faham) tauhu (makanan)
 - arus (current) harus (mesti)
 - bari (beri; untuk) bahagi (penggal)
- (i) tentang pengejaan kekata-kekata berasal dari bahasa Arab yang berguna sebagai istilah umum dan istilah khusus, yang tidak mendapat perhatian yang wajar, sekurang-kurangnya perhatian yang sama seperti yang diberikan terhadap kekata-kekata yang terambil dari bahasa Inggeris, misalnya:
- takbir : tidak membezakan "takbir" (membesarkan) dengan "ta'bir" (manafsirkan)
 - salat : tidak membezakan "salat" (makanan) dengan "shalat" (sembahyang)
 - nikmat : tidak membezakan "ni'mat" (rasa bahagia) dengan "nikmat" (sengsara)

Yang dinyatakan dari (a) sampai (i) di atas itu ialah antara kesilapan-kesilapan biasa yang masih terdapat dalam penulisan kita hingga kini. Adalah dipercayai bahawa untuk mengelakkan kekeliruan-kekeliruan yang berterusan, kesilapan-kesilapan itu dapat kita perbaiki atau sekurang-kurangnya kita kurangi kalau:

- kita rajin meneliti dan mempraktikkan sistem ejaan yang mudah dan sekata;
- kecelaruan pengejaan dapat kita atasi dengan membuat ketetapan yang tegas; misalnya, kalau kita berani membuat ketetapan-ketetapan ejaan seperti di (b) atau di (e) di atas, mengapa ejaan-ejaan seperti di (g) itu masih dirasakan perlu?
- sistem ejaan seperti yang di (h) (1) mungkin dapat disekatakan dengan sistem pengejaan bagi (h) (2).

Akhirnya, dalam masa pelajaran "Pengetahuan Islam" yang terkenal dengan sebutan IRK itu disampaikan menerusi sekolah-sekolah dengan tulisan rumi, apakah belum sampai waktunya kita fikirkan ejaan-ejaan bagi istilah-istilah khususnya? Untuk menjadikan pelajar-pelajar IRK itu fasih menyebut istilah-istilah ilmunya itu, apakah tidak sesuai kita menjejakan:

- Makkah untuk: Mekah
- fardhu untuk: fardu
- sunnat untuk: sunat
- Muharram untuk: Muharam
- fiqh untuk: fikah
- qurban untuk: korban
- aqiqah untuk: akikah

dan yang sebagainya?

YANG MANA SATU

Oleh
MOHAMMAD GANI AHMAD

*Institut Perkembangan Kurikulum
Singapura*

Dalam satu majlis ceramah berhubung dengan Perkembangan Bahasa Melayu yang dihadiri oleh para guru baru-baru ini, timbul satu pertanyaan yang sangat menarik hati dan boleh dijadikan bahan perbincangan dalam makalah singkat ini. Pertanyaan yang dikemukakan oleh seorang guru yang menyertai majlis tersebut ialah tentang perkataan-perkataan:

baharu	dengan	baru,
sahaja	dengan	saja,
dahulu	dengan	dulu dan
tetapi	dengan	tapi;

yang mana satukah yang betul dan yang harus digunakan?

Pertanyaan itu tentulah lahir dari kesedaran guru tersebut ingin berbahasa yang baik dan baku, ataupun mungkin kerana adanya keraguan tentang masalah perkataan-perkataan yang berbentuk demikian. Tetapi malangnya, jawapan yang diberikan secara spontan oleh beberapa orang peserta dalam majlis tersebut kurang meyakinkan dan tidak memuaskan hati si penanya.

Ini terbukti kerana persoalan tersebut tidak selesai di dewan ceramah malah berlarut-larutan hingga ke bilik jamuan ringan. Beberapa pendapat dan andaian telah dilahirkan dalam perbualan informal tersebut. Antaranya ialah:

1. Perkataan **baharu** itu dapat disamakan dengan perkataan **new**, sementara **baru** pula dapat disamakan dengan perkataan **just** dalam bahasa Inggeris.
2. Perubahan bentuk perkataan-perkataan **baharu** menjadi **baru**, **sahaja** menjadi **saja** dan **dahulu** menjadi **dulu** kerana adanya unsur sisipan **ah** atau **ha**; yang beranalogikan kepada sisipan **em**, **el**, **emer** dan yang seumpamanya.
3. Sementara perkataan **tetapi** adalah merupakan kata gandaan dwipurwa, **tapi** menjadi **tapi-tapi** kemudian menjadi **tetapi**. Bentuk ini pula beranalogikan dengan perkataan **laki** menjadi **laki-laki** dan seterusnya **lelaki**.

Soalnya, adakah pendapat dan andaian-andaian ini benar? Marilah kita sama-sama membuat sedikit kajian dengan menyelongkar hukum dan rumus, sifat dan tradisi pembentukan perkataan bahasa Melayu. Dengan kaedah ini, mudah-mudahan dapat menghilangkan keraguan dan kekaburan yang sudah mulai bercambah, menular dan berserabut mengenai perkataan-perkataan yang serupa ini.

Sebenarnya, perubahan-perubahan perkataan, sama ada dari sudut maknanya maupun dari sudut bentuknya adalah satu kebiasaan dalam setiap bahasa yang masih hidup berkembang. Perubahan-perubahan ini terjadi secara evolusi dan tidak disedari kelangsungannya. Perubahan ini memakan waktu yang agak panjang dan kerana adanya tuntutan zaman, kemajuan, keperluan hidup dan berubahnya nilai rasa sesebuah masyarakat pengguna bahasa tersebut.

Begitulan juga halnya yang terjadi kepada bahasa Melayu. Perubahan-perubahan makna dan bentuk dalam sesuatu bahasa adalah sesuatu yang lumrah. Perubahan makna perkataan adalah merupakan kajian yang dapat dilakukan oleh bidang semantik. Bidang yang meneliti tentang makna dalam bahasa tertentu; mencari asal mula dan sebab-musabab sejarah terjadinya perubahan makna sesuatu kata.

Tetapi bidang ini bukanlah bidang yang dapat menghuraikan permasalahan yang kita hadapi, maka tidaklah perlu rasanya kita membincangkan bidang semantik ini. Penghuraian mungkin pula dapat dihuraikan melalui bidang morfologi ataupun etimologi. Kerana kedua bidang ini lebih menyangkut tentang proses pembentukan kekata.

Pembentukan dan perubahan perkataan yang tidak membicarakan dari sudut sejarahnya bolehlah ditinjau dari bidang morfologi. Kerana bidang ini mengkhusus tentang perubahan bentuk kata dasar dengan diberi imbuhan, diulang, dimajmukkan dan dibincangkan tentang kelasnya. Dan pembentukannya adalah yang biasa dan tidak menimbulkan keganjilan ataupun masalah yang menyimpang.

Sementara etimologi pula lebih menekankan tentang sejarah pembentukan dan perubahan perkataan. Dari mana perkataan ini, sama ada asli maupun perkataan ambilan daripada bahasa lain. Tegasnya bidang yang membicarakan asal-usul sesuatu perkataan.

Perubahan-perubahan bentuk perkataan sama ada yang asli maupun perkataan-perkataan ambilan daripada bahasa lain, dapat dikaji berdasarkan kepada penyesuaian, analogi, hasil swadaya dan hasil kebiasaan-kebiasaan

hidup. Kepelbagaian perubahan bentuk kata ini berlangsung kerana adanya peristiwa-peristiwa yang terjadi.

Peristiwa istimewa dan ganjil-ganjil yang kadang-kala dapat dijawab dengan ilmu pengetahuan dan yang memerlukan pemerhatian tentang pembentukan kata-kata dan juga ayat dalam segala prosesnya dapatlah kita namakan Gejala Bahasa.

Permasalahan yang sedang kita hadapi ini, kini jelaslah merupakan masalah Gejala Bahasa. Gejala Bahasa ini dapat ditinjau melalui beberapa gejala seperti: gejala analogi, gejala kontaminasi, gejala hipekorek dan beberapa gejala lainnya. Namun gejala bahasa yang dapat menjawab pertanyaan guru berkenaan adalah gejala penghilangan atau penanggalan fonem pada perkataan.

Gejala penghilangan atau penanggalan fonem ini pula boleh terjadi pada awal, tengah dan hujung sesuatu perkataan. Marilah kita lihat beberapa contoh perkataan yang hilang atau gugur fonem awalnya. Gejala penghilangan fonem pada awal perkataan ini dikenai dengan nama aferesis dalam ilmu bahasa.

amarah	menjadi	marah
umudik	menjadi	mudik
umundur	menjadi	mundur
empunya	menjadi	punya
stani	menjadi	tani
delapan	menjadi	lapan
tetapi	menjadi	tapi
laskar	menjadi	askar
hadapan	menjadi	depan
halipan	menjadi	lipan
daku	menjadi	aku

Menurut Prof. J Gonda dalam makalahnya yang berjudul *Varia Tentang Kata-kata Bilangan Indonesia*, perkataan *delapan* sebenarnya berasal daripada perkataan *dualapan*, yang berasal pula daripada daripada gabungan kata *dua alapan* yang membawa maksud *dua dialap* (dikurangi) daripada sepuluh.

Sementara perkataan *tetapi* pula, menurut Dr. Gory Kerof dalam bukunya *Tatabahasa Indonesia* berasal daripada perkataan *tatha + api*. Kemudian mengalami proses penghilangan vokal *a* menjadi *tathapi* yang kemudiannya pula menjadi *tatapi* lalu berubah menjadi *tetapi*. Perubahan vokal *a* kepada *e* begitu juga sebaliknya adalah merupakan satu kebiasaan dalam bahasa Melayu. Cuba perhatikan akan perkataan-perkataan di bawah ini.

hadapan	=	depan
sadar	=	sedar
nanas	=	nenas
masjid	=	mesjid

Perubahan-perubahan vokal kerana adanya pengaruh bahasa daerah, kejahilan tentang sesuatu perkataan dan kecuaiannya pengguna bahasa itu sendiri; ditambah kerana tidak adanya rumus dan hukum penyebutan yang mantap dan sistematis, yang dapat dijadikan panduan dan pegangan umum.

Daripada daftar perkataan-perkataan yang gugur fonem awalnya, perkataan-perkataan *umudik*, *umundur*, dan *stani* sudah tidak digunakan lagi oleh orang ramai dan tidak terdapat dalam kamus bahasa Melayu. Sementara perkataan lain masih digunakan secara seiring oleh masyarakat pengguna bahasa Melayu. Walaupun demikian, perkataan *laskar*, *empunya*, *daku* dan *amarah* sudah kurang digunakan dan berkemungkinan hilang ditelan zaman.

Dan sekarang marilah kita beralih pula kepada gejala penghilangan atau penanggalan fonem yang terjadi di tengah-tengah perkataan. Gejala bahasa bentuk ini dipanggil *singkop*. Di bawah ini contoh beberapa perkataan yang gugur atau hilang fonem di tengah-tengahnya.

sahaya	menjadi	saya
sahaja	menjadi	saja
baharu	menjadi	baru
bahagi	menjadi	bagi
bahadi	menjadi	badi
bahala	menjadi	bala
tahadi	menjadi	tadi
dahulu	menjadi	dulu
kahwin	menjadi	kawin
mahu	menjadi	mau

Dari contoh perkataan-perkataan di atas ini, jelas kelihatan bahawa penghilangan atau pengguguran fonem *ah* dan *h* merupakan bentuk yang umum. Ini mungkin kerana fonem ini termasuk dalam fonem yang kadang-kadang penyebutannya tidak begitu jelas dalam bahasa Melayu. Cuba perhatikan perkataan-perkataan di bawah ini.

hijau	biasanya disebut	ijau,
hidung	biasanya disebut	idung,
hantu	biasanya disebut	antu dan
halangan	biasanya disebut	alangan

Perkataan-perkataan *bahadi*, *bahala*, *tahadi* sudah tidak digunakan lagi oleh pengguna-pengguna bahasa Melayu. Sementara perkataan-perkataan lain masih digunakan seiringan oleh para penggunanya.

Gejala yang ketiga dalam gejala penghilangan fonem ini ialah pada hujung perkataan-perkataan pula. Gejala ini dipanggil *apokop*. Di bawah ini beberapa contoh perkataan yang gugur atau hilang fonem pada hujungnya.

biduanda	menjadi	biduan
inanganda	menjadi	inang
cerutu	menjadi	cerut
bijaksana	menjadi	bijak
pelangit	menjadi	pelangi
pendita	menjadi	pandai

Perkataan *cerutu* berasal daripada perkataan Tamil begitu juga *pendita*. Perkataan *pendita* berubah menjadi *pandai* dengan hilang fonem hujungnya, hendaklah dilihat pada aksara jawinya, iaitu خندیتا gugur تا menjadi خندپی.

Setelah mengikuti perubahan perkataan-perkataan dari sudut bentuknya yang dikaji dari gejala bahasa, maka sekarang bolehlah kita membuat beberapa ketentuan sebagai pegangan dan panduan kita bagi menghilangkan keraguan tentang pemakaian atau penggunaan perkataan-perkataan yang berbentuk serupa atau sejenis ini.

Pada umumnya, perubahan-perubahan bentuk perkataan-perkataan yang dibicarakan ini tidak mengubah ataupun membezakan erti kecuali perkataan *pendita* dengan *pandai* yang mempunyai pergeseran makna. *Pandai* bermakna pintar, tidak bodoh sementara *pendita* membawa maksud orang *pandai-pandai*, *pertapa* ataupun *ulama* agama Kristian khususnya.

Lebih-lebih lagi, mana-mana perkataan yang sudah tidak umum digunakan dan tidak lagi termasuk dalam kamus umum yang baku bolehlah dihindarkan penggunaannya. Sementara perkataan-perkataan yang masih wujud dan sama-sama tinggi kekerapan penggunaannya seperti: *dahulu* dengan *dulu*, *baharu* dengan *baru*, tetapi dengan *tapi*, *delapan* dengan *lapan* dan lain-lain lagi, hendaklah digunakan secara beriringan. Ini bergantunglah pula kepada konteks penggunaannya dan juga keperluannya.

Perubahan-perubahan bentuk perkataan dalam setiap bahasa pasti terjadi dan akan terjadi; selagi manusia itu bernama manusia. Selagi itulah, manusia tetap berubah-ubah cita dan nilai rasanya. Dan kerana itulah juga ada setengah-setengah ahli bijak *pandai* mengatakan bahawa bahasa itu adalah hasil

kreativiti dan kekreatifan manusia.

Perubahan-perubahan ini juga kadang-kadang dikaitkan dengan swadaya bahasa yang terjadi kerana amalam para sasterawan, wartawan dan masyarakat pengguna itu sendiri secara sedar maupun tidak disedari mengeksperimenkan bahasa melalui karya-karya mereka dan dalam kehidupan mereka setiap hari.

Bibilografi

- Badudu, Pelik-Pelik Bahasa Indonesia, Pustaka Prima, Bandung, 1982.
- Ch. A. Van Ophujsen, Tatabahasa Melayu, Penerbit Jambatan, Jakarta, 1983.
- Gory Keraf, Tatabahasa Indonesia, Penerbit Nusa Indah, Jakarta, 1982.
- Khalid M. Hussain dan N. Siahaan, Sumbangan Prof. J. Gonda Terhadap Penyelidikan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.
- M. A. J. Beg, Indo-Sanskrit Loan-Words in Malay, M.A.J. Beg, Kuala Lumpur, 1981.
- , Arabic Loan-Words in Malay, A Comparative Study, M.A.J. Beg, Kuala Lumpur, 1979.
- M. Ramlan, Ilmu Bahasa Indonesia – Morfologi Suatu Tinjauan Deskriptif, CV. Karyono, Yogyakarta, Cetakan 5, 1983.
- R. O. Winstedt, Kamus Bahasa Melayu, Marican & Sons, Singapura, 1968.
- Slamet Muljana, Semantik, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965.
- T. D. Situmorang dan A. Teeuw, Sedjarah Melaju, Penerbit Jambatan, 1952.
- Zaaba, Ilmu Mengarang Melayu, D.B.P. Kuala Lumpur, 1965.

KESALAHAN-KESALAHAN PENGGUNAAN DALAM BAHASA MELAYU HARI INI

Oleh

Suratman Markasan

Pendahuluan

Kesalahan-kesalahan penggunaan dalam bahasa Melayu hari ini baik dalam tulisan mahupun percakapan, terdapat di dalam berbagai segi. Mulai dari penggunaan kata depan, kata ganti, bentuk jamak, hukum D-M dan penyusunan ayat. Belum lagi masuk kesalahan-kesalahan lain dalam morfologi dan ejaan.

Kesalahan-kesalahan penggunaan dalam bahasa Melayu ini, jika tidak diterangkan sejelas-jelasnya kepada murid-murid atau pelajar-pelajar dan didedahkan kepada orang ramai, tentu sekali kesalahan-kesalahan itu akan meluas penggunaannya di kalangan umum. Akhirnya kesalahan-kesalahan itu menjadi betul, sedang ciri-ciri yang betul di dalam bahasa Melayu dianggap salah pula.

Kesalahan-kesalahan dalam bentuk D-M bahasa Melayu, sekarang ini dianggap betul kerana sudah biasa, misalnya goreng pisang dan perdana menteri. Akan tetapi bagi frasa-frasa lain tetap memakai hukum D-M yang diterangkan duduknya di depan dan yang menerangkan duduknya di belakang, seperti ubi rebus, ikan bakar, menteri besar dan menteri kesihatan.

Kesalahan-kesalahan yang sudah dianggap betul itu, saya kira tentu bermula dari satu kebiasaan yang salah, tetapi lama-kelamaan kerana sudah meluas sekali penggunaannya, maka yang salah itu dianggap betul sedang sebaliknya yang betul dianggap salah. Kesalahan-kesalahan lain dalam penggunaan bahasa Melayu hari ini seperti kata-kata 'mereka-mereka' dan 'para-para' sebagai misal, yang sering dan meluas pula digunakan untuk menunjukkan maksud ramai orang, seperti di dalam contoh-contoh ini: 'Mereka-mereka yang ingin masuk peraduan ini hendaklah memenuhi borang.' atau 'Para-para hadirin sekalian dipersilakan masuk ke dalam.'

Kesalahan-kesalahan seperti ini, jika tidak dikawal akan menjadi seperti 'goreng pisang' dan 'perdana menteri' juga. Bertolak dari hal itu, maka itu dalam rencana ini, ingin saya kemukakan dua bidang kesalahan dulu.

1 Kesalahan penggunaan kata depan

Kesalahan penggunaan kata depan sering berlaku bila orang tidak dapat memilih yang mana betul, misalnya antara *dari* dengan *daripada*; antara *di* dengan *pada* dan yang lain lagi. Atau mungkin kerana satu-satu kebiasaan untuk memendikkan ayat seperti menggugurkan kata depan ke *dan di*.

Dalam hal ini saya kira elok diperhatikan satu persatu kesalahan-kesalahan tersebut.

1.1 Antara *dari* dengan *daripada*

salah	betul
A1 Pelawat itu datang <i>daripada</i> Johor.	Pelawat itu datang <i>dari</i> Johor.
A2 <i>Daripada</i> masa ini juga awak mesti keluar.	<i>Dari</i> masa ini juga awak mesti keluar.
A3 Dia melakukan kesalahan itu lebih <i>dari</i> 10 kali.	Dia melakukan kesalahan itu lebih <i>daripada</i> 10 kali.
A4 Ahmad bijak <i>dari</i> abangnya.	Ahmad bijak <i>daripada</i> abangnya.
A5 Surat itu saya terima <i>dari</i> adik saya.	Surat itu saya terima <i>daripada</i> adik saya.
A6 Barang itu datang <i>daripada</i> Tokyo.	Barang itu datang <i>dari</i> Tokyo.
A7 Meja itu dibuat <i>dari</i> kayu.	Meja itu dibuat <i>daripada</i> kayu.
A8 Seorang <i>dari</i> mereka menjawab.	Seorang <i>daripada</i> mereka menjawab.

Kesalahan-kesalahan yang dipaparkan di atas, saya kira bermula dari mereka tidak tahu dengan tepat penggunaan kata depan tersebut. Dari situ pula menjadi kebiasaannya menggunakan yang salah. Jika sekiranya seseorang itu tahu bahawa penggunaan kata depan *dari* hanya digunakan untuk menunjukkan tempat datang atau tempat mula bergerak dan menunjukkan masa bermula, tidaklah akan berlaku kesalahan seperti ayat-ayat A1 dan A2, kerana kata depan *daripada* tidak digunakan untuk menunjukkan tempat datang dan menunjukkan masa bermula.

Demikian pula halnya, jika seseorang itu tahu benar-benar penggunaan kata depan *daripada* ada lima macam. (Zaaba, 1949) (1) Menunjukkan arah datang *daripada* orang bukan dari tempat, seperti dalam ayat; 'Surat itu saya terima *daripada* adik saya, atau dia dapat hadiah *daripada* bapanya.' (2) Menunjukkan pengasingan sedikit *daripada* banyak atau sebahagian sedikit *daripada* semua, seperti: 'Seorang *daripada* mereka menjawab, atau Sebahagian *daripada* orang ramai telah pulang.' (3) Menunjukkan asal sesuatu barang itu dibuat, seperti: 'Meja itu dibuat *daripada* kerusi atau bajunya dibuat *daripada* sutera.' (4) Menunjukkan perbandingan sifat dan tentang

tertib dahulu dan kemudian, seperti: 'Ahmad bijak *daripada* abangnya atau Ahmad datang dahulu *daripada* saya.' dan (5) Menunjukkan perbezaan, seperti: 'Bagaimana hendak membezakan itu *daripada* ini, atau lain *daripada* ini ada juga. 'Mengenai penggunaan *daripada* yang kelima ini, Zaaba menyatakan setengahnya boleh diganti dengan perkataan *dengan*.

Jika penggunaan kata depan *daripada* dapat difahami betul-betul, tidak timbul kesalahan-kesalahan dalam ayat-ayat A3 sampai A8, kerana penggunaan kata depan *dari* sama sekali tidak boleh dipakai di situ.

1.2 Kesalahan antara *ke* dengan *kepada*

Penggunaan kata depan *ke* hanya untuk menunjukkan tempat pergi atau tempat di tuju (Zaaba, 1949). Sedangkan Ahmad Awang dan Mashudi Kader (1982) menambah satu lagi penggunaannya untuk menunjukkan masa sampai, seperti: 'hingga *ke* hari ini . . .' untuk menggantikan penggunaan kata depan *kepada* di sini. Jadi bukanlah 'hingga *kepada* hari ini . . .' Sebaliknya Zaaba menyatakan penggunaan kata depan *kepada* dalam frasa ini betul. Contoh lain yang diberikan oleh Zaaba, 'sampai *kepada* masa ini, hingga *kepada* zaman Melaka dialahkan Portugis.' (Zaaba, 1949) Dalam hal ini, saya lebih condong menggunakan kata depan *ke* daripada *kepada*. (2) Menunjukkan hubungan punya, seperti: 'Dia itu pangkat anak *kepada* saya, atau itulah punca *kepada* tiap-tiap kemajuan.'

Jika penggunaan kata depan *ke* dan *kepada* sudah difahami benar-benar, tidaklah akan kita menemui kesalahan-kesalahan serupa ini.

salah	betul
B1 Dia menuju <i>kepada</i> tempat lain.	Dia menuju <i>ke</i> tempat lain.
B2 Diserahkannya <i>ke</i> Ahmad.	Diserahkannya <i>kepada</i> Ahmad.
B3 Berilah surat itu <i>ke</i> saya.	Berilah surat itu <i>kepada</i> saya.
B4 Dihempaskan gelas itu <i>kepada</i> lantai.	Dihempaskan gelas itu <i>ke</i> lantai.
B5 Hingga <i>kepada</i> hari ini . . .	Hingga <i>ke</i> hari ini . . .

1.3 Antara *di* dengan *pada*

Kesalahan-kesalahan penggunaan kata depan *di* untuk menunjukkan masa sering sekali digunakan, baik di dalam percakapan mahupun di dalam tulisan. Dan satu hal yang perlu diketahui bukan saja dilakukan oleh orang kebanyakan yang kurang mengerti tatabahasa akan tetapi sering juga dilakukan oleh guru-guru. Kesalahan-kesalahan ini bukan sahaja baru dilakukan dalam tahun-tahun 70an atau 80an, akan tetapi sudah dilakukan sebelum tahun 1949. Hal jelas ditunjukkan oleh Zaaba, dengan contoh-contoh seperti:

di masa ini, di waktu ini, di zaman sekarang dan beberapa contoh lain lagi. Punca kesalahan ini mungkin dari sebab tidak tahu yang kemudiannya menjadi satu kebiasaan.

Kesalahan-kesalahan itu sering sekali kita temui seperti contoh di bawah ini:

salah	betul
di saat-saat ini	pada saat-saat ini
di masa sekarang	pada masa sekarang
di hari itu	pada hari itu
di waktu itu	pada waktu itu
di minggu depan	pada minggu depan
di hujung bulan ini	pada hujung bulan ini
di pagi cerah ini	pada pagi cerah ini
di tahun depan	pada tahun depan
di zaman sekarang	pada zaman sekarang
di pagi raya ini	pada pagi raya ini
di musim buah tahun ini	pada musim buah tahun ini
barang itu di bapanya	barang itu pada bapanya
sakit di kita sakit di orang	sakit pada kita sakit pada orang

Patut diketahui bahawa penggunaan kata depan di hanya untuk menunjukkan tempat, seperti dalam ayat-ayat ini: 'Dia duduk di atas kerusi, dia tinggal di Geylang, Ahmad menunggu di rumah.' Sedang penggunaan kata depan pada (1) Menunjukkan arah tetap bukan tempat tetapi orang, seperti dalam ayat-ayat: 'Buku itu ada pada Ali, Jika sakit pada kita sakit juga pada orang, Pada fikiran saya itu betul.' (2) Menunjukkan masa, seperti: Pada hari ini . . . , Pada bulan depan . . dan seperti contoh-contoh di atas dalam ruang betul.

1.4 Kesealahan lain dalam penggunaan kata depan ialah kebiasaan menggugurkan kata depan ke dan kata depan di. Kesalahan atau kebiasaan ini kemungkinan dari kebiasaan penggunaan bahasa lisan yang memandang ringan, sehingga akhirnya hal itu menjadi satu kebiasaan pula di dalam tulisan. Perhatikan contoh-contoh kesalahan di bawah ini.

salah	betul
balik kampung	balik ke kampung
pergi kedai	peri ke kedai
balik rumah	balik ke rumah
balik pangkal jalan	balik ke pangkal jalan

lalu jalan ini
benci orang itu
takut hantu
takut bapa saya

lalu di jalan ini
benci kepada orang itu
takut kepada/akan hantu
takut kepada/akan bapa saya

2 Kesalahan-kesalahan menggunakan bentuk jamak

Kesalahan-kesalahan menggunakan bentuk jamak sering sekali di lakukan oleh pengguna-pengguna bahasa Melayu hari ini, terutama dalam percakapan, ucapan dan syarahan. Dan tidak jarang pula digunakan oleh murid-murid dan pelajar dalam peringkat sekolah rendah, menengah dan maktab rendah.

2.1 Kesalahan penggunaan kata yang sudah menunjukkan jamak tetapi digandakan lagi.

salah	betul
Mereka-mereka yang hendak menjadi anggota sila masuk.	Mereka yang hendak menjadi anggota sila masuk.
Para-para hadirin sila duduk.	Para hadirin sila duduk.

Kesalahan serupa ini, jelas menunjukkan mereka tidak memahami bahawa kata-kata 'mereka' dan 'para' itu sudah menunjukkan majmuk yang dengan sendirinya tidak perlu diulang lagi supaya menunjukkan majmuk.

2.2 Kesalahan penggunaan di dalam ayat yang sudah mempunyai kata majmuk dan kata-kata selepas kata majmuk itu digandakan.

Kesalahan serupa ini, tentulah sama seperti kesalahan-kesalahan dalam contoh pertama tadi, bahawa pengguna bahasa itu tidak memahami tatabahasa atau dengan maksud untuk menekankan maksudnya, sedangkan dalam sistem bahasa Melayu tidak memerlukan hal itu. Perhatikan contoh-contoh kesalahannya.

salah	betul
Rakyat-rakyat semua dinasihat supaya keluar mengundi.	Rakyat semua dinasihatkan supaya keluar mengundi.
dua buah buku-buku semua pelajar-pelajar di nasihatkan . . .	dua buah buku semua pelajar dinasihatkan . . .
sekumpulan murid-murid . . . sebilang besar orang-orang Melayu . . .	sekumpulan murid sebilang besar orang Melayu
daftar pelbagai barang-barang	daftar pelbagai barang

Para penonton-penonton
sekalian
seluruh masyarakat-masyarakat
negeri ini

Para penonton
seluruh masyarakat negeri ini

2.3 Dalam tatabahasa Melayu sistem menunjukkan jamak yang tepat seperti yang ada di dalam sistem bahasa Inggeris, tidak ada.

Dalam hal ini kebiasaan menggunakannya tidak digandakan, bagi perkataan-perkataan masyarakat, rakyat dan yang seumpama dengannya.

salah

Masyarakat-masyarakat Melayu
di Singapura . . .

Rakyat-rakyat negeri tersebut
banyak yang mati kelaparan.

betul

Masyarakat Melayu di Singapura . . .

Rakyat negeri tersebut banyak yang
mati kelaparan . . .

3. Kesalahan-kesalahan penggunaan setengah-setengah kata dilihat dari segi makna.

3.1 Antara apa dengan siapa

Kesalahan menggunakan kata tanya 'apa' bagi manusia, kemungkinan pengguna ini dipengaruhi oleh bahasa Inggeris atau mungkin kurang mengerti mengenai perbezaan penggunaan antara dua kata ganti tersebut. (Zaaba, 1949) menyatakan 'apa' digunakan untuk menggantikan barang, sedang 'siapa' digunakan untuk orang. Contoh-contoh dapat dilihat dalam ayat-ayat ini.

- * Apakah itu?
- * Buah apa yang dimakannya?
- * Apa yang ada habis diambilnya.
- * Siapakah nama orang itu?
- * Anak siapakah ini?

Demikian pula (Dr.Slametmuljana, 1969) menyatakan kata 'apa' untuk menyatakan barang, jenis atau namanya. Seding kata 'siapa' untuk menanyakan orang atau namanya. Contoh-contoh yang diberi seperti di bawah ini:

- * Apa nama jalan ini?
- * Orang apa yang bercakap dengan saudara tadi?
- * Apa yang akan dibelinya?
- * Apa kata orang itu?
- * Siapakah pengarang buku itu?
- * Siapa nama guru itu?
- * Buku siapakah yang kau baca?

Dengan keterangan dan contoh-contoh tersebut, saya kira salah jika kata 'apa' digunakan untuk menanyai nama orang seperti dalam contoh-contoh ini.

salah

Apakah nama awak?

Nama awak apa?

betul

Siapakah nama awak?

Nama awak siapa?

Penggunaan kata 'apa' dan 'siapa' yang tidak menurut kaedah bahasa Melayu seperti contoh-contoh di bawah ini, saya kira perlu ditolak.

- * Apa yang kita mahu ialah tiap-tiap seorang memberi derma satu dolar
- * Dia pun mengatakan perkata-perkara apa yang sebenarnya.
- * Saya pun memberi tahu Encik Samad siapa yang telah datang dengan serta-merta.
- * Buduk lelaki itu, siapa yang masih di bangku sekolah telah ditangkap semalam.

3.2 Antara banyak dan ramai

Pengertian yang sama di dalam kata-kata 'banyak' dan 'ramai' ialah menunjukkan bilangan yang lebih daripada satu. Seding dalam penggunaannya ada perbezaannya. Sebelum perang memang jelas perbezaannya, bahawa kata 'banyak' hanya digunakan untuk benda, binatang dan perkata, sedangkan kata 'ramai' digunakan untuk manusia sahaja, seperti contoh-contoh di bawah.

- * Ramai murid lulus dengan mendapat merkah yang baik.
- * Di tepi padang itu ramai penyokong kedua-dua belah pihak bertepuk-tepuk menyokong pasukan masing-masing.
- * Di kiri kanan jalan raya itu terdapat banyak pokok besar.
- * Di tepi pantai itu terdapat banyak ikan telah mati.
- * Banyak hal yang ingin saya perkatakan.

Akan tetapi akhir-akhir ini, ada kecenderungan pengguna bahasa Melayu menggunakan kata 'banyak' digunakan untuk orang juga. Penggunaan 'banyak' bagi orang sudah meluas bukan saja di Indonesia bahkan di Malaysia dan Singapura juga. Di Singapura, barangkali guru-guru sekolah belum mahu menerima ayat-ayat ini.

- * Kian banyak pelajar sekolah menengah yang cenderung menggunakan bahasa Inggeris daripada bahasa kedua.
- * Banyak ibu bapa Melayu sedar betapa pentingnya pelajaran.

Penggunaan 'banyak' bagi orang, saya kira boleh diterima dan guru-guru harus menyatakan itu benar, kerana kita sebenarnya sudah menerima kata 'banyak' dalam bentuknya yang sudah berimbunan, seperti dalam ayat-ayat ini.

- * Ramai orang telah mengambil poskad peraduan meneka Bintang 84; **kebanyakan** daripada mereka ialah murid-murid sekolah.
- * **Kebanyakan** orang-orang tua hari ini, tidak mahu meneruskan pekerjaan mereka selepas berumur 55 tahun.

3.3 Antara bila dan apabila

Kekeliruan tentang penggunaan antara kata 'bila' dan 'apabila' sering berlaku juga. Hal ini saya kira, kerana pengguna itu tidak mengerti makna dan tugas kedua-dua kata ini dengan sebenar-benarnya. Kata 'bila' ialah kata ganti tanya, sedang kata 'apabila' ialah kata penghubung. Kalau sudah diketahui, tentu tidak akan kita temui kesalahan-kesalahan serupa ini.

salah	betul
Awak boleh pulang bila dia datang .	Awak boleh pulang apabila dia datang.
Bila saya tiba di rumahnya, dia sedang tidur.	Apabila saya tiba di rumahnya, dia sedang tidur.
Bila disuruh ada saja alasannya.	Apabila disuruh ada saja alasannya.

Sedang penggunaan kata 'bila' yang betul dapat dilihat dari contoh-contoh di bawah ini.

- * **Bilakah** saudara akan ke mari lagi?
- * **Bilakah** anda hendak berumah tangga?
- * Dia mengambil buku itu **bila**?
- * **Bila** masanya dia datang, saya pun tak tahu?

(Zaaba, 1949) menguatakan penggunaan kata 'bila' dengan memberikan erti 'masa yang mana?', iaitu untuk menyebut masa yang tidak diketahui. Sedang erti bagi kata 'apabila, apakala dan manakala', gunanya untuk masa dengan umum dan tidak boleh dipakai bagi pertanyaan.

Penggunaan kata 'bila' yang tidak menurut kaedah bahasa Melayu harus dielakkan, seperti contoh-contoh di bawah ini.

- * **Bila** dia datang semalam saya tiada di rumah.
- * Saya sampai kira-kira pukul 2.00 petang **bila** orang-orang semua sudah pulang.
- * **Bila** tiba dia berilah tahu kepada saya.

Rujukan

- 1) Pelita Bahasa Melayu III, Zaaba. MacMillan and Co, London, 1949,
- 2) Kaedah Bahasa Indonesia, Dr Slametmuljana, Percetakan Arnoldus, 1969
- 3) Kesalahan Penggunaan Kata Dalam Bahasa Malaysia, Ahmad Awang dan Mashudi Kader, Kertaskerja Seminar Kesalahan-kesalahan Penggunaan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia, Disember 1982.

TATABAHASA MELAYU HARI INI*

Oleh:
Dr. Liaw Yock Fang
Universiti Nasional Singapura

Dalam kertas kerja ini saya ingin membicarakan tatabahasa yang disusun oleh dua orang tokoh bahasa kita iaitu Za'ba dan Asmah Haji Omar. Tata-bahasa yang disusun Za'ba itu, iaitu *Pelita Bahasa Melayu I-II* sudah berusia kira-kira tiga puluh tahun (*Pelita Bahasa Melayu I* diterbitkan pada tahun 1948), tetapi masih berpengaruh hingga hari ini. Ramai guru-guru yang masih berpegang kepada aturannya. Ahli bahasa moden seperti Asraf dan muridnya Awang Sariyan yang bekerja sebagai pengarang *Majalah Dewan Bahasa* juga menjadikan buku Za'ba sebagai buku asas bagi kajian bahasa mereka.¹ Asmah pula ialah seorang professor ilmu bahasa di Universiti Malaya yang banyak menghasilkan karya mengenai bahasa Melayu. Murid dan pengikutnya di kalangan guru juga ramai sekali. Dengan bertambahnya siswazah Pengajian Melayu Universiti Malaya yang mempelajari ilmu bahasa, pengaruhnya juga kian meluas. Suatu kajian tatabahasa Melayu hari ini akan tidak lengkap, kalau tidak membicarakan hasil karyanya. Saya akan mulai dengan tatabahasa Za'ba dahulu.

Za'ba: *Pelita Bahasa Melayu I-II*

Tatabahasa Za'ba adalah contoh tatabahasa tradisional yang terdapat dalam bahasa Melayu. Salah ciri tatabahasa tradisional ialah menggolongkan jenis-kata (word-class) dengan berdasarkan ukuran yang berlainan. Misalnya, untuk takrif kata nama, Za'ba menulis: kata nama ialah "segala perkataan (yang) menyebut benda atau orang". Untuk kata sifat (Za'ba: sifat nama) dituliskannya: kata sifat ialah "segala perkataan yang menerangkan atau menunjukkan sifat sesuatu nama atau perbuatan atau lainnya". Dari takrif ini nyatalah bahawa kata nama ditentukan Za'ba dengan berdasarkan makna, sedangkan kata sifat, termasuk kata keadaan (adverb) ditentukan berdasarkan fungsi/tugas kata-kata itu. Ini bertentangan dengan dasar ilmu bahasa yang menghendaki kita menggolongkan jenis-kata berdasarkan ukuran yang sama. Lihat pula takrif kata perbuatan yang berbunyi: kata perbuatan adalah

1. Awang Sariyan, "Tatabahasa", *Dewan Masyarakat*, Jilid XX, bil. 3 Mac 1982, hal. 40-41.

* Kertaskerja yang dibacakan pada *Seminar Kesatuan Guru-guru Melayu*.

"segala perbuatan yang menyebut perbuatan yang dikerjakan atau keadaan yang diadakan". Kita akan bertanya: "Perbuatan apakah yang dikerjakan oleh kata-kata seperti tidur, mati dan meninggal?"

Oleh kerana tidak mempunyai kayu ukur yang boleh dijadikan pegangan, Za'ba mengalami kesukaran untuk menggolongkan kata-kata seperti *ada, jadi, boleh, sudah, hendak dan kena* yang disebutnya sebagai (kata) perbuatan tiada terang. Di sini kita sebenarnya menghadapi dua jenis-kata yang berbeza. *Boleh, sudah dan hendak* adalah kata perbuatan bantu (auxiliary verb²) sedangkan *ada, jadi dan kena* adalah kata perbuatan yang masing-masing mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. *Ada* dalam ayat "la ada emak lagi" adalah kata perbuatan penuh, tetapi dalam ayat "la ada di sini" dan "Ayahnya ada datang" adalah kata penegas, lawan daripada kata nafi *tiada* atau *tidak*. Kedua ayat itu berasal dari "la di sini" dan "Ayahnya datang".

Jadi sebagai kata perbuatan mempunyai dua ciri. Pertama, ia adalah kata perbuatan tiada melampau seperti "Kerja kita jadi juga". Kedua, ia adalah kata perbuatan yang boleh diikuti kata nama dan kata sifat sekaligus sebagai pencukupnya misalnya dalam ayat "Dia menjadi guru" dan "Ali menjadi gembira".

Kena adalah kata perbuatan yang istimewa. Ia adalah kata perbuatan penuh dalam ayat "Duri itu kena ke bajunya". Dalam ayat "Budak itu kena pukul", *kena* sudah mendapat makna pasif di. Di samping itu, *kena* masih boleh berfungsi sebagai kata perbuatan bantu yang bererti "terpaksa" seperti dalam ayat "la berungut kerana tiap-tiap hari kena bangun pagi-pagi".

Keterangan Za'ba tentang perbuatan nama dan nama perbuatan kurang memuaskan. Cuba baca ayat-ayat berikut:

1. *Membaca* itu anak kunci pengetahuan.
2. Binatang-binatang tiada tahu *bercakap*.
3. Almari itu tempat *menyimpan* buku-buku.
4. Saya baru balik dari *berjalan*.

Menurut Za'ba, kata-kata yang bergaris bawah adalah kata perbuatan yang bekerja sebagai kata nama. *Membaca* menjadi benda ayat (subjek), *bercakap* menjadi penyambut perbuatan melampau, *menyimpan* berkuasa sandaran punya, sedangkan *berjalan* menjadi penyambut sendi nama. Di antara kata-kata yang bergaris bawah itu, hanyalah *membaca* boleh dianggap sebagai kata nama atau lebih tepat lagi kata namaan (nominal) iaitu kata-kata yang ber-

2. Liaw Yock Fang, "Penggolongan Jenis Kata dan Bahasa Melayu", *Dewan Bahasa*, Jilid 23, bil. 11, Nov. 1979, hal. 21.

fungsi sebagai kata nama. Bercakap tetap adalah kata perbuatan, sedangkan dari berjalan adalah frasa preposisi (prepositional phrase) yang berfungsi sebagai frasa keadaan (adverbial phrase). Ayat no. 3 adalah transformasi yang berasal dari gabungan dua ayat:

1. Almari itu tempat.
2. Tempat itu menyimpan buku.

Demikian juga perginya dalam ayat "Ke manakah perginya orang tadi?", yang dinamakan Za'ba sebagai nama perbuatan itu, adalah kata namaan. Sebenarnya cara-cara mengubah sepatah kata yang bukan kata nama menjadi kata namaan banyak sekali. Pemakaiannya adalah salah satu daripada cara yang biasa dipakai. Dalam bahasa Inggeris proses mengubah sepatah kata yang bukan kata nama menjadi kata namaan disebut *nominalization*.

Dalam pembicaraan tentang ayat aktif dan ayat pasif (Za'ba: bangun perbuatan), Za'ba mengemukakan aturan-aturan yang sampai sekarang masih dipegang teguh oleh setengah-tengah ahli bahasa.³ Misalnya pendapat Za'ba yang mengatakan bahawa jikalau pelaku atau subjek sesuatu ayat itu merupakan pelaku orang ketiga, pemakaian imbuhan *me-* adalah wajib. Oleh kerana itu Za'ba menolak ayat-ayat seperti "Dia baca surat itu" dan "Ali baca surat itu" dan menganggapnya sebagai ayat yang salah. Yang betul ialah "Dia membaca surat itu" dan "Ali membaca surat itu".⁴

Saya tidak tahu apakah ayat "Dia baca surat itu" betul-betul salah. Ch. A. Van Ophujsen, dalam pembicaraannya tentang kata ganti orang, berkata bahawa kita boleh berkata: "Aku dengar", "Engkau dengar" dan "Dia dengar". Hanya saja, kerana sudah ada bentuk "Didengarnya", "Dia dengar" jarang dipakai.⁵ Menurut R. O. Winstedt dan sarjana-sarjana Belanda seperti Gerth van Wijk berpendapat bahawa kata perbuatan sederhana yang tidak mempunyai imbuhan mempunyai pengertian "subjective passive". Misalnya "Hasan tutup pintu" ertinya ialah "By Hassan was shut the door" sedangkan "Engkau tutup pintu" bererti "By you was shut the door". Bagaimanapun Winstedt sendiri tidak bersetuju dengan pembezaan ini yang dianggapnya membazir. Kemudian ditunjukkan Winstedt bahawa Tendeloo, seorang sarjana Belanda yang lain berpendapat bahawa kata perbuatan sederhana

mempunyai pengertian aktif.⁶ Jelaslah para sarjana tidak menyalahkan ayat yang tidak menggunakan imbuhan *me-* untuk pelaku orang ketiga. Yang dipersoalkan ialah apakah ayat-ayat itu mempunyai pengertian aktif (Tendeloo) atau pasif (Gerth van Wijk). Demikian juga Za'ba tidak bersedia menerima ayat seperti "Surat itu dibaca oleh saya" dan "Mengapa budak itu engkau/dipukul?" (hal. 115), tetapi anehnya di dalam bukunya sendiri ayat-ayat yang dianggap salah itu dijumpai juga, misalnya:

- hal. 110: Kakinya terpijak oleh saya.
118: Bayang-bayangnya pun tiada kelihatan oleh saya.
119: Tidakkah kedengaran olehmu ia berteriak minta tolong?
119: Tiada terangkat oleh saya peti ini.

Sebenarnya apakah ayat "Surat itu dibaca oleh saya" itu salah atau betul masih boleh diperdebatkan. Menurut Nik Safiah Karim, bentuk ayat seperti "Surat itu dibaca oleh saya" kini makin ramai digunakan orang.⁷ Asmah Haji Omar, dalam buku pelajaran bahasa Melayu yang disusunnya, juga menggunakan bentuk ayat ini misalnya "Roti itu dimakan oleh saya" dan "Tingkap itu ditutup oleh kamu".⁸

Di atas telah disentuh sedikit tentang apa yang dinamakan perbuatan nama. Dalam pembicaraan tentang ragam lepas, Za'ba menggunakan pula istilah perbuatan sifat. Cuba baca ayat-ayat ini:

1. Dia duduk **menangis**.
2. Saya pergi **melihat wayang**.
3. Budak itu jatuh **terduduk**.

Menurut Za'ba, kata-kata yang bergaris bawah adalah perbuatan sifat yang mensifatkan kata perbuatan yang terdahulu daripadanya. Penjelasan yang demikian tiada banyak manfaatnya. Adalah lebih baik kalau kita menganggap ayat-ayat di atas sebagai ayat terbitan atau ayat transformasi yang terbit dari gabungan dua ayat masing-masing: ayat no. 1 adalah gabungan dari "Dia duduk" dan "Dia menangis"; ayat no. 2 adalah gabungan dari "Saya pergi" dan "Saya melihat wayang"; sedangkan ayat no. 3 adalah gabungan dari "Budak itu jatuh" dan "Budak itu terduduk".

"Saya pergi" dan "Saya melihat Wayang"; sedangkan ayat no. 3 adalah gabungan dari "Budak itu jatuh" dan "Budak itu terduduk".

3. Asraf, *Tatabahasa dalam Pengajaran Bahasa Malaysia*, kertas kerja Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan, Kuala Lumpur, 1974, hal. 14.

4. Za'ba, *Pelita Bahasa Melayu I*, Kuala Lumpur, 1959, hal. 113.

5. Ch. A. Van Ophujsen, *Maleische Spraakkunst*, Leiden, 1915, hal. 212.

6. R. O. Winstedt, *Malay Grammar*, Oxford, 1952, hal. 60.

7. Nik Safiah Karim, "Struktur Pasif dalam Bahasa Melayu dan Cara untuk Menstandarisasikannya", *Dewan Bahasa*, Jilid 20, bil. 1, 1976, hal. 4.

8. Asmah Haji Omar dan Rama Subbiah, *An Introduction to Malay Grammar*, Kuala Lumpur, 1968, hal. 47.

Za'ba membahagi perkataan sifat kepada dua jenis yang disebut sifat nama (kata sifat atau adjektif) dan sifat kata (kata keadaan atau adverb). Keterangan Za'ba tentang kata sifat cukup baik. Za'ba sudah mengetahui bahawa kata sifat mempunyai dua fungsi penting iaitu sebagai penerang kata nama dan predikat (cerita) dalam ayat. Hanya saja kata-kata yang menyatakan banyak dan kata-kata yang menjadi penunjuk akan saya golongan sebagai jenis-kata yang mandiri, iaitu kata bilangan dan kata penunjuk, kerana kata-kata ini mempunyai ciri-cirinya yang membezakannya dari kata sifat biasa.

Dalam pembicaraan tentang sifat kata atau adverb, Za'ba memberi huraian yang kurang menyakinkan. **Bagaimana, bila, mengapa** dan **kenapa** dianggapnya sebagai sifat kata, sedangkan kata-kata ini mempunyai sifat yang sangat berbeza dengan sifat kata biasa. Za'ba mungkin menyedari hakikat ini kerana di tempat lain (hal. 137) dikatakannya bahawa kata-kata ini kerap dinamakan sifat kata pertanyaan. Seterusnya dalam huraian tentang kata-kata yang boleh berfungsi sebagai sifat kata (adverb), contoh-contoh yang diberikannya itu tidak sesuai. Perhatikan ayat-ayat ini:

1. (a) **Pada esoknya** ramailah orang datang.
(b) **Esok** saya bawa dia bersama-sama.
2. (a) **Pagi** ini baru ia tiba.
(b) Saya tiba **pagi** benar lagi.
3. (a) Saya berhenti **dua malam** di sana.
(b) Saya tiba **semalam**.

Menurut Za'ba, kata-kata yang bergaris bawah dalam ayat 1(a), 2(a) dan 3(a) adalah kata nama atau gantinya sedangkan kata-kata yang bergaris bawah dalam ayat 1(b), 2(b) dan 3(b) adalah sifat kata. Sebenarnya, kata-kata yang bergaris bawah dalam ayat 1(a), 2(a) dan 3(a) bukanlah kata nama atau gantinya melainkan sifat kata juga. Kata-kata itu baru boleh dianggap sebagai kata nama kalau dipakai dalam ayat-ayat seperti berikut:

1. **Esok** hari Sabtu.
2. **Pagi** ini sejuk sekali.
3. **Dua malam** sudah cukup.

Demikian juga, **pagi** dalam ayat 2(b) bukanlah sifat kata melainkan sifat nama iaitu kata sifat (adjektif).

Huraian Za'ba tentang perkataan sendi cukup baik.⁹ Za'ba membahagi perkataan sendi kepada dua jenis, iaitu sendi nama (kata depan atau preposisi)

9. Sila baca huraian saya yang dimuat dalam majalah *Dewan Bahasa*, Jilid XII, bil. 1 (Jan. 1968), hal. 33-45.

dan sendi kata (kata penghubung atau conjunction). Yang saya kurang setuju ialah pemakaian istilah penyambut. Menurut Za'ba, kata-kata yang mengikuti sendi nama (kata depan) adalah penyambut atau penyambut sendi nama. Bagi saya, kata-kata yang mengikut sendi nama atau kata depan sebaiknya dianggap sebagai frasa kata depan (prepositional phrase) saja. Frasa kata depan ini boleh berfungsi sebagai penerang nama atau kata keadaan (adverbial). Istilah penyambut (object) sebagai lawannya subjek (Za'ba : benda) selalu menimbulkan kesan sebagai orang atau benda yang menerima atau menderita sesuatu tindakan/perbuatan.

Seterusnya Za'ba membicarakan huruf penambah (imbuan), rangkai kata, ayat-ayat Melayu serta jenisnya. Pembicaraan ini dapat saya terima, biarpun ada banyak hal yang saya tidak bersetuju dengannya. Dalam **Pelita Bahasa Melayu II**, Za'ba menghuraikan ayat-ayat Melayu dan peluasannya. Dibincangkan juga cara-cara persambungan ayat. Pembicaraan Za'ba ini banyak persamaannya dengan Nahu Transformasi (Transformational Grammar). Hanya saja Nahu Transformasi menggunakan istilah-istilah yang agak berbeza. Menurut Nahu Transformasi, ayat itu ada dua jenis, iaitu ayat inti (kernel sentence) dan ayat terbitan (derived sentence). Ayat inti itu terbatas jumlahnya tetapi dari gabungan ayat-ayat inti dapat menerbitkan ayat-ayat terbitan yang tidak terbatas jumlahnya. Misalnya, ayat "Budak yang gemuk putih-putih itu sakit" adalah berasal dari gabungan dua ayat iaitu (1) "Budak itu sakit" dan (2) "Budak itu gemuk putih-putih". Sudah tentu masih banyak lagi perbezaan-perbezaan yang terdapat antara huraian Za'ba dengan huraian yang menggunakan Nahu Transformasi.¹⁰

Biarpun begitu, pembicaraan Za'ba tentang pencukup tidak dapat saya setujui. Misalnya, menurut Za'ba, kata-kata yang bergaris bawah di bawah ini adalah pencukup.¹¹

1. Dia boleh **bercakap Cina**.
2. Dia boleh **pergi sekarang**.
3. Saya sudah **makan**.
4. Dia sudah **tidur**.
5. Saya harus **datang menghadiri mesyuarat itu**.
6. Kita harus **berbuat bohong bagi menyelamatkan diri**.
7. Kita patut **menolong orang-orang susah**.

10. Untuk keterangan lebih lanjut tentang Nahu Transformasi, sila baca karangan saya yang disiarkan dalam majalah *Dewan Bahasa*, Jilid XIII, bil. 5-6 (Mei dan Jun 1969).

11. Za'ba, *Pelita Bahasa Melayu II*, Kuala Lumpur, 1957, hal. 18.

8. Dia patut datang berjumpa saya.

Za'ba membuat huraian demikian kerana tidak mengakui adanya kata perbuatan bantu (auxiliary verb) dan menganggap kata-kata itu sebagai kata perbuatan biasa. Menurut huraian kami, ayat 1 adalah ayat sederhana yang berpola S(ubject)-V(erb)-O(bject). Ayat 2 berpola S(ubject)-V(erb)-Adv(erb). Ayat 3 dan 4 berpola S(ubject)-V(erb). Ayat 5 adalah gabungan dari dua ayat iaitu (1) "Saya harus datang" (2) "Saya harus menghadiri mesyuarat itu". Demikian juga, ayat 6 adalah gabungan dari (1) "Kita harus berbuat bohong" dan (2) "Kita menyelamatkan diri"; ayat 7 dari gabungan (1) "Kita patut menolong orang" dan (2) "Orang-orang itu susah"; ayat 8 dari gabungan (1) "Dia patut datang" dan (2) "Dia berjumpa saya". Nyatalah di sini bahawa Za'ba mempunyai konsep yang samar-samar tentang apa yang dinamakan pencukup (complement) itu. Menurut ahli bahasa seperti D. L. Bolinger, J. Lyons dan R. Quirk,¹² pencukup adalah unsur-unsur yang wajib dalam sesuatu ayat untuk mencukupkan maksudnya. Misalnya di dalam ayat "Dia di sini", di sini adalah pencukup. Tetapi di dalam ayat "Dia tinggal di sini", di sini sudah bukan pencukup lagi melainkan kata keadaan tempat, (adverbial of place).

Di atas sudah saya kemukakan banyak keberatan-keberatan tentang tatabahasa yang disusun oleh Za'ba. Ini tidak bererti bahawa tatabahasa Za'ba tidak ada kebaikan-kebaikannya. Kebaikannya banyak sekali. Misalnya Awang Sariyan berkata bahawa partikel *-kah* tidak boleh diletak di hujung ayat dan menganggap ayat-ayat seperti "Dia gurukah?", "Adik Salmah nakalkah?" dan "Mereka sudah pergikah?" sebagai ayat yang salah.¹³ Betulkah undang-undang yang dibuat oleh Awang Sariyan itu? Di sini Za'ba boleh membantu kita. Dalam *Pelita Bahasa Melayu I*, Za'ba berkata bahawa *-kah* boleh diletakkan di mana-mana perkataan yang diberatkan atau ditekankan dan memberi contoh yang menggunakan *-kah* di hujung ayat: "Engkau dari Kedaikah?" Dalam latihannya juga terdapat ayat seperti "Tuan memanggil sayakah tadi?". Di dalam *Pelita Bahasa Melayu II* (hal. 26, 32) juga terdapat ayat yang menggunakan *-kah* pada hujung ayat, misalnya: "Dia sakitkah?", "Dia tidak sakitkah?", "Budak-budak berdua ini adik engkaukah?" dan "Awak tidak sihatkah?". Sekian saja huraian saya tentang tatabahasa Za'ba. Sekarang saya akan membincangkan pula tatabahasa yang disusun oleh Asmah Haji Omar.

12. J. Lyons, *Introduction to theoretical linguistics*, 1968, hal. 345. R. Quirk *et al.*, *A grammar of contemporary English*, 1972, hal. 13-14.

13. Awang Sariyan, *kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur, 1983, hal. 46.

Asmah Haji Omar mewakili aliran linguistik struktural yang terdapat dalam bahasa Melayu. Aliran linguistik ini tidak mementingkan makna. Yang dipentingkan ialah ciri-ciri **formalnya** yang dapat dilihat. Misalnya dalam penggolongan jenis-kata, Asmah berkata bahawa kata namaan (nominal) adalah kata-kata yang boleh diikuti kata ganti penunjuk *ini* dan *itu*; kata verbal (karyaan) adalah kata-kata yang boleh diikuti *dengan* dan *didahului* oleh kata (perbuatan) modal dan kata (perbuatan) aspek. Ciri-ciri imbuhan dipakai juga, tetapi tidak dianggap sebagai ciri yang menentukan. Ciri yang menentukan ialah posisinya dalam dua pola ayat tergemar (favourite sentence patterns) iaitu N(oun)1-V(erb)-N(oun)2 dan N(oun)1-n(oun). Kata namaan adalah kata-kata yang boleh mengisi tempat N1, N2 dan n. Kata karyaan ialah kata-kata yang boleh mengisi tempat V.¹⁴

Pada garis besarnya saya bersetuju dengan penggolongan yang dibuat oleh Asmah. Yang saya tidak setuju ialah cara-caranya menggunakan metode yang dikemukakannya. Misalnya, Asmah berpendapat bahawa kata penunjuk seperti *ini* dan *itu* adalah nominal (kata namaan) kerana ini dapat menggantikan tempat *buku* dalam ayat "Dia menulis *buku*", itu dapat menggantikan *Ahmad* dalam ayat "*Ahmad* guru". Kelemahan hujah Asmah akan terdedah kalau kita menyejajarkan *buku* dan *ini*, *Ahmad* dan *itu* dan menghasilkan dua ayat yang berbunyi:

- (1) Dia menulis *buku* ini.
- (2) *Ahmad* itu guru.

Kata-kata yang boleh menggantikan tempat *buku* dan *Ahmad* banyak sekali, mungkin tidak terbilang jumlahnya. Tetapi tempat *buku* dan *Ahmad* tidak mungkin digantikan oleh *ini* dan *itu*. Demikian juga, saya tidak bersetuju Asmah yang menggolongkan kata bilangan seperti *dua* dan *semua* ke dalam kata namaan, kerana kata-kata ini dianggap dapat mengisi tempat N1 dalam pola ayat N1-V: "*Dua* datang" dan "*Semua* pergi". Kita segera akan bertanya, bagaimana kalau kita mengubah ayat-ayat ini menjadi "*Dua orang* datang" dan "*Semua pelajar* pergi". Kata-kata yang boleh menggantikan tempat *orang* dan *pelajar* banyak sekali tetapi kata bilangan sekali-kali tidak dapat mengisi tempat-tempat itu. Nyatalah kepada kita bahawa kata penunjuk dan kata bilangan mempunyai posisi yang berlainan sekali dengan kata namaan. Kata penunjuk selalu mengikuti kata namaan sedangkan kata bilangan mendahuluinya. Kata penunjuk dan kata bilangan sebaiknya dianggap sebagai jenis-kata yang mandiri.

14. Asmah Haji Omar, "Word Class in Malay", *Essays on Malaysia Linguistics*, Kuala Lumpur, hal. 172-184.

Asmah juga berpendapat bahawa kata sifat adalah kata karyaan (verbal), kerana kata sifat mempunyai ciri-ciri sintaksis yang sama seperti kata kerja (perbuatan). Misalnya dalam ayat "Dia masih makan", makan boleh digantikan oleh *cantik*; dalam ayat "Kamu harus datang", datang boleh digantikan oleh *rajin*. Biarpun begitu, Asmah menyedari juga ada ciri-ciri yang membezakan kata kerja daripada kata sifat. Kata sifat boleh didahului oleh kata-kata seperti *amat*, *sangat*, *sungguh* dan diikuti oleh *sekali* sedangkan kata kerja tidak mungkin. Saya sendiri lebih cenderung untuk menganggap kata sifat sebagai suatu jenis-kata yang berdiri sendiri dan bukan bahagian dari kata kerja.

Dalam *Nahu Melayu Mutakhir* Asmah telah meninggalkan pendekatan yang dipakainya selama ini iaitu ilmu bahasa struktural yang berpengaruh di Amerika. Kini dipakainya apa yang dinamakan nahu sistem (systemic grammar) yang mula-mula diperkenalkan di negeri Inggeris oleh ahli bahasa M. A. K. Holliday pada tahun 60an.¹⁵ Imbuhan dan posisi sesuatu kata dalam ayat masih dipakai untuk menentukan jenis kata, tetapi *marker*, kata yang selalu muncul bersama-sama dengan sesuatu perkataan sudah tidak dipakai lagi. Sebaliknya nahu sistem sangat mementingkan makna. Dengan menggunakan makna, Asmah membezakan kata kerja dan kata nama yang bermacam-macam itu, yang jumlahnya masing-masing lebih daripada 20 macam. Kata sifat saja sudah ada 11 macam, iaitu kata sifat tabii, kata sifat warna, kata sifat ukuran, kata sifat bentuk, kata sifat indera, kata sifat gabungan indera, kata sifat waktu, kata sifat jarak, kata sifat kecepatan, kata sifat kuasa tenaga dan kata sifat taraf. Kata sifat indera dibahagi pula kepada lima sub-golongan iaitu kata sifat indera rasa, indera pandang, indera dengar, indera bau dan indera sentuh. Pembezaan demikian perlu untuk kajian keilmuan tetapi belum tentu dapat menolong orang yang ingin mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan praktis.

Dalam perlakuan terhadap ayat, Asmah berkata bahawa ayat adalah klausa (clause) "yang dimulai dengan kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan dan intonasinya menyatakan ayat itu sempurna dan selesai". Ayat itu terbentuk dari dua pola dasar iaitu Frasa Benda-Frasa Benda dan Frasa Benda-Frasa Karyaan. Seterusnya Asmah membincangkan tiga cara analisa ayat yang selalu dipakai oleh ahli bahasa.

15. Untuk keterangan lebih lanjut, sila baca Magaret Berry, *Introduction to Systemic Linguistics 1: Structures and Systems*, London, 1975 dan *Introduction to Systemic Linguistics 2: Levels and Links*, London, 1977.

Cara pertama selalu membahagi ayat kepada beberapa bahagian yang disebut Subjek-Predikat-Objek-Ajung.¹⁶ Pembicaraan Asmah terlalu ringkas. Tidak dinyatakannya bahawa ajung adalah unsur yang *optional* dalam ayat, iaitu unsur-unsur yang boleh dihilangkan tanpa merosakkan ayat itu. Pencukup (complement) tidak disebut langsung.

Cara analisa yang kedua berpandukan pola Pelaku-Perbuatan-Pelengkap, dalam bahasa Inggeris disebut Actor-Action-Goal. Cara analisa ini dikritik Asmah, kerana tidak semua subjek itu boleh menjadi pelaku dan tidak semua predikat itu kata perbuatan, misalnya dalam ayat "Rumput masih lembab". Di manakah pelaku dan perbuatannya?

Cara yang ketiga ialah Judul dan Cerita, dalam bahasa Inggeris disebut *Theme and Rheme* atau *Topic and Comment*. Cara kajian ini cuba meletakkan judul (theme) pada permulaan ayat supaya bahagian ayat itu mendapat penegasan. Proses membawa bahagian-bahagian ayat ke permulaan ayat inilah yang disebut penjudulan (thematization).

Tatabahasa Asmah ini merupakan tatabahasa Melayu pertama yang disusun berdasarkan teori linguistik tertentu. Sebelum diterbitkan, isi buku ini sudah bertahun-tahun dikuliahkan kepada mahasiswa di Universiti Malaya. Kerana itu, segala isinya perlu kita tatapi dan renungkan. Hanya saja dalam membaca nahu Asmah ini saya seolah-oleh membaca teori ilmu bahasa dalam bahasa Melayu dan bukan nahu bahasa Melayu.

Dari pembicaraan di atas dapatlah disimpulkan bahawa kita masih kekurangan tatabahasa yang boleh dijadikan pegangan. Tatabahasa Za'ba agak lemah dalam segi teori. Tatabahasa Asmah mempunyai teori linguistik yang kuat tetapi kurang data atau butir untuk menyokong teori itu. Dalam keadaan demikian, bagaimanakah kita akan menentukan salah atau betulnya pemakaian bahasa dalam masyarakat? Misalnya kalau kita berjumpa dengan kebetulan ayat-ayat berikut:

- (1) Banyak budak-budak mandi sungai.
- (2) Petang ini banyak orang nampak bulan.

janganlah segera kita berkata bahawa ayat-ayat itu adalah ayat yang salah, kerana banyak tidak boleh dipakai untuk orang, apalagi di pakai di depan kata nama yang diulang/digandakan. Kaji dahulu tatabahasa Melayu/Indonesia yang ada dan merenungkan aturannya. Kalau jawapan tidak dapat diperoleh,

16. Ajung (adjunct) ialah unsur yang *optional* di dalam ayat, misalnya kata keterangan (adverb).

bacalah buku-buku penulis yang sudah terbukti baik bahasanya untuk meninjau apakah penulis itu memakai bentuk ayat yang mirip dengan ayat yang dipersoalkan itu. Inilah sikap yang patut kita ambil sementara menanti lahirnya tatabahasa yang boleh dijadikan pegangan.

Sekian saja tinjauan saya tentang tatabahasa Melayu hari ini.

PENGUMUMAN

Pengejaan setengah-setengah nama-nama orang Melayu/ Islam biasanya terdapat ketidakseragaman, Jawatankuasa Bahasa Melayu telah mengkaji nama-nama orang Melayu/ Islam yang demikian sifatnya. Dari hasil penelitian tersebut, telah terdFTAR satu daftar nama-nama orang Melayu Islam yang boleh menjadi panduan anda sekalian. Kami berharap ibu bapa Melayu/ Islam yang ingin memberikan nama anak-anak mereka, silalah rujuk kepada daftar yang ada di sebelah kanan.

EJAJAN NAMA-NAMA MELAYU/ISLAM YANG BETUL MENGIKUT SISTEM EJAJAN BARU YANG DI-SELARASKAN OLEH JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA

Ejaan Yang betul	Variasi
ABBAS	ABAS
ABDUL KADIR	ABDUL KADER
ABDUL WAHID	ABDUL WAHEED
ABDILLAH	
ABDULLAH	ABDULAH, ABDULLA
ABU BAKAR	ABOUBAKAR, ABUBAKAR
AFANDI	AFFANDI, EFENDI, EFFENDY, EFFENDI, EFFENDY
AGUS	AGOES, AGOS
AHMAD	AHMAT, AHMED, AMAT, ACHMAD
AHMADI	AHMADY
AISYAH	AISJAH, AISHAH, AISHA, ESAH, AYISAH
ALWI	ALWEE
AMIN	AMEN, AMEEN
AMIR	AMEER
ANUAR	ANWAR
ARIF	ARIFF, ARIEF, ARIPI
ARIFIN	ARIFFIN, ARIPIIN
ARSYAD	ARSAD, ARSAT
AYUB	AYOB, AYOOB, AYOUB
BAHARI	BAHRI, BACHRI
BAHARUDDIN	BAHARUDDIN, BAHRUDDIN
BAKRI	BAKRY
BAKHTIAR	BACHTIAR
BASIR	BASHIR, BASHEER
BUKHARI	BUCHARI, BOECHARI
DAUD	DAWUD, DAOD, DAWOOD
FAHMI	FAHMY
FATIMAH	PATIMAH, FATEEMAH
FAUZI	FAWZI
FAUZIAH	FOYZIAH
GHAFFAR	GAFAR, GAFFAR, GHAFAR

GHAFUR	GAPUR, GHAFOOR
GHANI	GANI
GHAZALI	GAZALI, GHAZZALI, RAZALI, RAZALEIGH
HAFSAH	ABSAH, HABSAH
HALIM	HALEEM, HALEM
HAMID	HAMED, HAMEED
HAMIDAH	HAMEEDAH
HANAFI	HANAPI
HANAFIAH	HANAPIAH
HANIF	HANIP, HANEEP
HANIFAH	HANIPAH
HARUN	HARON, HAROON, HAROUN
HASAN	HASSAN
HASYIM	HASHEM, HASHIEM, HASHIM
HILMI	HILMY
HISYAM	HISHAM
HUSAIN	HUSIN, HUSSAIN, HUSSEIN, HUSSEN, HUSSIN
HUSAINI	HUSSAINI
HUSNI	HUSNY
IBRAHIM	EBRAHIM
IDRIS	EDRIS, IDERIS, IDRIES
IDRUS	IDROS, EDRUS, EDROS
ISA	ESA
ISHAK	IZHAK
ISMAIL	ISMAEL
ISNIN	ITHNIN
JA'FAR	DJA'FAR, DJAFAR, JAAFAR, JAFFAR
JALAL	DJALAL
JALALUDDIN	DJALALUDIN, JALALUDDIN
JALIL	DJALIL, JALLIL
JAMALUDDIN	JAMALUDIN
JAMIL	JAMEEL, JAMEL
JAMILAH	JAMEELAH, JAMELAH
JUNID	JONED, JONIT, JUNED, JUNEID, JUNET, JUNIT
KADIR	KADER, KADEER
KALSUM	KALSOM, KELESOM
KHADIJAH	HADIJAH, HATIJAH, KATIJAH, KHATIJAH
LATIF	LATIB, LATIFF, LATIP, LATIPH

LATIFAH	LATIFFAH
MA'RUF	MA'AROEUF, MAAROF, MAKROF
MAHMUD	MAHMOOD, MAHMUT
MAJID	MADJID, MAJEED
MALIK	MALEK, MALLEK
MANAF	MANAP
MANSUR	MANSOOR, MANSOR, MANSOUR
MAS'UD	MASOD, MASOED, MASO'OD, MASOOD
MOKHTAR	MOCHTAR, MOKHTER
MUHAMMAD	MOHAMAD, MOHAMED, MOHAMEET, MOHAMMAD, MUHAMMED, MOHAMMED, MOHD, MUHAMAT
MUHIDDIN	MOHIDIN
MUSTAFA	MUSTAFFA, MUSTAPA, MUSTAPHA
MUTALIB	MUTALIF, MUTALIPH
MUZAFAR	MUDZAFAR, MUDZAFFAR, MUZAFFAR
NOH	NUH
NUR	NOOR, NOR
NURAINI	NORRAINI, NOORAENI, NORANI, NURANI
NURDIN	NOORDIN, NORDEN, NORDIN
OSMAN	OTHMAN, USMAN, UTHMAN
RAHIM	RAHIEM, RACHIM
RAHIMI	RAHIMY
RAHMAN	RACHMAN
RAHMAT	RACHMAT
RASYID	RASID, RASJID, RASHID
RAMLI	RAMLEE, RAMLY
RAZAK	RAZZAK
RIDZUAN	RIDWAN, RIDUAN
RUKIAH	ROKIAH
SAAD	SA'AD, SAAT, SAHAT
SA'DIAH	SAADIAH, SADIAH, SA'ADIAH
SA'DON	SAADON, SARDON, SA'ADON
SADLI	SADELI
SAFIAH	SAPIAH
SAFIUDDIN	SAFIOEDIN
SALIH	SALLEH
SALIM	SALEEM, SALEM
SYA'BAN	SAABAN, SABAN, SHABAN

SYA'RI	SHA'ARE, SHAARI, SHA'ARY, SHAARY
SYAFII	SHAFEI, SHAFEE, SHAFFE'I, SHAFFIE, SHAFIE
SYAHABUDDIN	SABUDIN, SHABUDDIN
SYAHRIR	SHARIR, SJHRIR
SYAHRUDDIN	SHAHARUDDIN, SJAHROEDDIN, SJHAROEDIN
SYAMSIAH	SAMSIAH
SYAMSUDDIN	SAMSUDIN, SHAMSHUDDIN, SHAMSUDIN
SYARIF	SARIF, SHAREEF, SHARIFF
SYARIFAH	SARIPAH, SHARIPAH
SYARIFUDDIN	SHARIFUDDIN, SHARIFOEDIN, SJARIFUDIN
SYAIKH	SHAIKH, SHEIK
SYUKUR	SHUKOR
SIDIK	SIDDDEK, SIDIQ, SIDEK, SIDDIK
SULAIMAN	SULEIMAN, SULEMAN
TALIB	TALIP
UMAR	OMAR
YA'KUB	YA'ACOB, YAACOB, YACOB, YAKOB, YAKOOB, YAKUB, YA'AKUB, YACUB
YAHYA	YAHAYA
YASIN	JASIN, YASSIN
YUNUS	EUNOS, JUNOS, JUNUS, YUNOS
YUSUF	EUSOF, EUSOFF, EUSOPE, JUSOFF, JUSOH, JUSOP, YOESOEF, YOUSOFF, YUSOF, YUSOOF
ZAINAB	JAINAB
ZAINAL ABIDIN,	ZAINALABIDIN, ZAINALABIDIN, JAINULABIDEEN
ZAINUDDIN	ZAINUDEEN, ZAINUDIN
ZALIHA	SALEHA, SALIHA, ZALEHA
ZUBAIDAH	ZUBEDAH

DAFTAR ISTILAH BARU

Inggeris		Melayu
Air pollution	—	Pencemaran udara
Apartment	—	Pangsa puri
BEST	—	Pendidikan Asas Bagi Latihan Kemahiran (BEST)
Company Welfarism	—	Kesejahteraan Syarikat
Coronary by-pass operation	—	Pembedahan lencong pembuluh jantung/salurnadi
Demerit points	—	Angka denda
Disable person	—	Orang-orang cacat
Economic Development Board	—	Lembaga Pembangunan Ekonomi
Ex-officio	—	Ex-officio
Flatted factory	—	Kilang pangsa
Genes	—	Gen
Gifted children	—	Kanak-kanak berbakat
Government bonds	—	Bon pemerintah
Group offsetting	—	Tolak semua kenaikan
Highway	—	Lebuhraya
House union	—	Kesatuan syarikat
International Monetary Fund	—	Tabung Kewangan Antarabangsa
Istana Annexe	—	Istana Tambahan
Istana office wing	—	Pejabat Istana
IQ	—	Ukuran Kecerdasan
Memorandum of Understanding	—	Memorandum Persefahaman
Ministry of Environment	—	Kementerian Sekitaran
Ministry of Trade & Industry	—	Kementerian Perdagangan & Perusahaan
Mobile Squad	—	Skuad bermotosikal
Monetary Authority of Singapore	—	Penguasa Kewangan Singapura
Multi-storey carpark	—	Pangsa letak kereta
Multi-storey market	—	Pasar pangsa
Multi-tier family	—	Keluarga berangkai
National Productivity Board	—	Lembaga Daya Penghasilan Negara
Neighbourhood Police Post	—	Pos Polis Kejiranan
Neighbourhood watch scheme	—	Skim pengawasan kejiranan
Nuclear war head	—	Induk peluru nuklear
O-M-O	—	Bas tabong
OTS	—	Tiket ambil sendiri

Pan Island Expressway	—	Lebuhraya rentas pulau
Retarded children/handicapped	—	Kanak-kanak terencat
Security market	—	Pasaran cagaran
Senior citizen	—	Warga tua
Sense of belonging	—	Semangat kekitaan
Share	—	Saham
Singapore Currency Board	—	Lembaga Matawang Singapura
Singapore General Hospital	—	Hospital Besar Singapura
Singapore Tourist Promotion Board	—	Lembaga Penggelak Pelancong Singapura
Social Welfare	—	Kebajikan Masyarakat
State Welfare	—	Kebajikan Negara
Standing committee	—	Jawatankuasa tetap
Steering committee	—	Jawatankuasa panduan
Stock (Government)	—	Stok/Saham (Pemerintah)
Stock Exchange of Singapore	—	Pasaran Saham Singapura
Super scale	—	Tingkatan tertinggi
Supermarket	—	Pasar serbanika
Task force	—	Pasukan bertindak/khas
Team work	—	Kerja bersama
Team spirit	—	Semangat bersama atau berpasukan
Three-tier family	—	Keluarga tiga rangkai
Time scale	—	Tingkatan biasa
Top of Trade Competition	—	Pertandingan pakar ketukangan
Trade Development Board	—	Lembaga Kemajuan Perdagangan
VITB	—	Lembaga Latihan Perusahaan dan Kejuruan
Void Deck	—	Lelapang
WITs	—	Kumpulan pembaikan kerja
Zero defect	—	Tiada cacat
Zero option	—	Tiada pilihan

SENARAI KATA UMUM YANG SERING DIEJA SALAH

Salah	Betul
bingong	bingung
saloran	saluran
engin	enjin
terpesung	terpesong
kelibar	kaliber
korapsi	korupsi
calun	calon
anah	aneh
tulin	tulen
pelancung	pelancong
arina	arena
awit	awet
rumbungan	rombongan
gulungan	golongan
olih	oleh
boleh	boleh
sehat	sihat
rihat	rehat
surat khabar	suratkhabar
tempohari	tempoh hari
dayausaha	daya usaha
maklumbalas	maklum balas
sepaktakraw	sepak takraw
tandatanya	tanda tanya
harijadi	hari jadi
ulangathun	ulang tahun
ertikata	erti kata
kapalterbang	kapal terbang
matalamat	matlamat
meski pun	meskipun
minima	minimum
muhibbah	muhibah
menasabah	munasabah
naskah	naskhah
kemarin	kelmarin